Belanjawan 2025 pacu negara lahir populasi berpendidikan tinggi

Oleh Dr Nahrizul Adib Kadri - Oktober 21, 2024 @ 9:00am
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan.

Ketika membentangkan Belanjawan 2025, Jumaat lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menggariskan pelbagai inisiatif untuk memperkukuhkan landskap pendidikan negara khususnya dalam bidang pendidikan tinggi.

Usaha ini mencerminkan komitmen kerajaan memupuk bakat, menggalakkan ilmu dan memupuk inovasi, iaitu tiga elemen penting memacu Malaysia dalam persekitaran global semakin kompetitif.

Salah satu aspek penting dalam belanjawan ini ialah tumpuan terhadap menjadikan pendidikan lebih sama rata dan mudah diakses. Ini termasuk inisiatif menambah baik kemudahan di universiti awam (UA) dan institusi pendidikan serta latihan teknikal dan vokasional.

Peningkatan peruntukan untuk menaik taraf infrastruktur di beberapa institusi dan mewujudkan hubungan lebih erat dengan industri juga menunjukkan langkah ke arah memastikan graduan lebih bersedia memenuhi tuntutan industri kini dan masa depan.

Antara inisiatif disediakan kerajaan untuk sektor pendidikan tinggi ialah peningkatan peruntukan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada RM7.5 bilion berbanding RM6.8 bilion pada tahun ini.

Sebanyak RM1.2 bilion diperuntuk untuk kolej vokasional dan sekolah menengah teknik, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) menyediakan pembiayaan sehingga RM500 juta untuk lebih 20,000 pelatih, termasuk RM100 juta bagi bidang keutamaan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP).

Ia termasuk geran padanan sebanyak RM50 juta disediakan untuk industri mengikuti Program 'Anak Angkat ILKA, dana penyelidikan dan pembangunan (R&D) di UA ditingkatkan kepada RM600 juta berbanding RM510 juta pada tahun ini.

Sebanyak RM170 juta disediakan untuk geran padanan bagi badan swasta dan industri dalam program R&D melalui Malaysia Science Endowment (MSE) manakala pendidikan berkaitan AI akan diperluas ke semua universiti penyelidikan dengan peruntukan RM50 juta.

Angka ini menunjukkan strategi jelas dan konkrit kerajaan untuk meningkatkan rangka kerja pendidikan tinggi negara, memastikan ia kekal relevan dan inklusif, di samping membantu Malaysia melahir tenaga kerja lebih berkemahiran dan berdaya saing.

Penekanan terhadap pengembangan peluang pembangunan kemahiran, terutama dalam bidang berkaitan teknologi digital, kecerdasan buatan (AI) dan industri lestari, adalah satu pendekatan berpandangan jauh.

Sektor ini bukan sahaja industri masa depan, tetapi juga realiti semasa. Penyediaan lebih banyak sumber kepada universiti untuk membangunkan kursus dalam bidang ini membolehkan Malaysia melahirkan tenaga kerja berkemahiran, anjal dan bersedia memimpin dalam pasaran global.

Rancangan kerajaan meningkatkan kerjasama antara UA dan institusi teknikal dengan industri mencerminkan pemahaman pendidikan tidak boleh wujud secara terpencil.

Pendidikan menyeluruh, digabungkan dengan pendedahan praktikal mampu menjadikan mahasiswa bersedia untuk ke alam pekerjaan, merapatkan jurang antara pengetahuan akademik dan aplikasi praktikal.

Kesimpulannya, pelbagai inisiatif digariskan dalam Belanjawan 2025 untuk memperkukuhkan pendidikan tinggi adalah tepat pada masanya dan meletakkan negara di landasan betul supaya mampu bersaing secara sihat di pentas global.

Ia menunjukkan visi jelas untuk masa depan negara yang mana ilmu, kemahiran dan peluang boleh diakses secara sama rata setiap rakyat, sejajar dengan prinsip asas Ekonomi MADANI.

Penting untuk memastikan rancangan ini dilaksanakan secara berkesan dan memastikan semua pihak berkepentingan daripada golongan akademik sehingga penggiat industri bekerjasama menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan tinggi.

Populasi berpendidikan tinggi, sebagaimana dibuktikan banyak negara maju adalah pelaburan terbaik boleh dibuat sesebuah kerajaan untuk masa depan negaranya.

Penulis ialah Profesor Madya di Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya